

Tabiat merugikan mesti dikikis: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemalangan dan bencana di Malaysia boleh dielakkan jika semua pihak mengamalkan sikap bertanggungjawab dan pengawalan diri yang lebih baik.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan kemalangan di jalan raya berlaku kerana tidak mematuhi peraturan jalan raya manakala keruntuhan bangunan, kebakaran, penyalahgunaan dadah sehingga mendapat penyakit Aids, pencemaran alam sekeliling disebabkan oleh orang yang bukan penjenayah.

"Semua malapetaka ini adalah buatan kita sendiri dan kita sendiri juga yang mampu menghalangnya. Hanya yang diperlukan ialah pengawalan diri dengan lebih baik dan sifat lebih bertanggungjawab.

"Mengenakan hukuman selepas kemalangan tidak memulihkan apa-apa. Yang diperlukan ialah pencegahan yang betul-betul berkesan iaitu yang diusahakan diri sendiri."

katanya.

Beliau berkata demikian dalam perutusan Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), di sini hari ini. Perayaan itu bertemakan Nilai Murni Jayakan Wawasan.

Dr Mahathir berkata, langkah pencegahan kerajaan bukan terhad kesannya tetapi kosnya tinggi, sebaliknya jika rakyat membentuk budaya cermat dan tidak tergopoh-gopah kemalangan boleh dikurangkan dengan banyaknya tanpa sebarang perbelanjaan.

Menurutnya, mempunyai anggota polis dengan banyak untuk menentukan tiada siapa memandu terlalu laju dan memotong dengan cara berbahaya mungkin mengurangkan sedikit kemalangan jalan raya.

Bagaimanapun katanya, kos menempatkan polis di sepanjang jalan amat tinggi dan akhirnya terpaksa ditanggung oleh rakyat.

"Jika hasil kerajaan di-

gunakan untuk tujuan ini tidak akan ada peruntukan untuk tanggungan kerajaan yang lain seperti sekolah, klinik dan bermacam lagi perkhidmatan percuma atau hampir percuma," katanya.

Perdana Menteri berkata, di negara yang mempunyai lebih banyak kenderaan, kadar kemalangan jalan raya adalah tidak sebanyak di Malaysia kerana rakyat mereka sanggup mengawal diri sendiri.

Menurutnya, begitu juga di negara yang mempunyai rakyat lebih tertib dan menjunjung undang-undang serta peraturan, tidak banyak masalah dadah, Aids, pencemaran dan jenayah berlaku.

Dr Mahathir berharap dalam usaha menjadi masyarakat bahagia, rakyat perlu menyambut desakan kerajaan untuk membasmi amalan dan perbuatan tidak sihat.

Beliau meminta rakyat menjadikan perayaan Hari Kebangsaan tahun ini sebagai tahun untuk

LIHAT MUKA 2

Tabiat merugikan mesti dikikis

DARI MUKA 1

menukar sikap terhadap diri sendiri.

"Kerajaan akan membuat apa yang menjadi tanggungjawab kerajaan tetapi rakyat hendaklah membina budaya yang mengutamakan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat.

"Insya-Allah, jika kita buang tabiat yang merugikan, negara ini bukan sahaja akan lebih maju tetapi kemajuan itu tidak akan tercemar dengan gejala yang sedang kita lihat berlaku di negara maju di Barat," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia dilindungi daripada ribut taufan dan puting beliung dari sebelah Timur oleh Kepulauan Filipina dan dari sebelah Barat oleh Sumatera, rangkaian gunung berapi mengelilingi negara seperti rantai leher, hujan turun mencurah sehingga bumi bertuah ini menghijau sepanjang tahun dan makanan menunggu untuk dipungut.

"Jika kita renung nasib kita, tentulah kita lebih bersyukur dengan nikmat-nikmat ini," katanya.

Dr Mahathir mengambil contoh konflik yang melanda negara-negara seperti Somalia, Bosnia-

Herzegovina dan Rwanda di mana berjuta-juta orang terkorban.

Malah di Rwanda, kata beliau, lebih dua juta rakyat negara itu terpaksa melarikan diri ke negara lain, ditambah pula dengan penyakit yang menyerang mereka sehingga beribu-ribu pelarian mati tergelimpang dan yang baki diserang kebuluran sehingga tinggal tulang rangka sahaja.

Mengenai negara maju yang dimaksudkan dalam Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata ia bukan bercorak negara maju Barat yang penuh dengan gejala dadah, Aids, keruntuhan akhlak, malas bekerja dan keburukan lain yang berlaku sekarang.

"Hari kemerdekaan yang dirayakan adalah hari yang tepat untuk membuat resolusi bahawa kita bukan sahaja berusaha merebut peluang meningkatkan kemajuan dan kemakmuran tetapi juga menghapuskan amalan yang tidak menguntungkan.

"Insya-Allah dengan resolusi ini dan pengamalannya secara serius, wawasan kita tidak akan menjadi igauan tetapi akan menjadi satu kenyataan," katanya.